

# **Menyingkap Keperibadian Rasulullah S.A.W. di Sebalik Kesenian Barzanji dan Kesannya dalam Kehidupan Masyarakat Islam Hari ini**

*Minah Dibok*

## **ABSTRAK**

*Amalan Barzanji sudah lama wujud dalam masyarakat Melayu, tetapi tidak ramai yang mengetahui inti pati yang terkandung di sebalik alunan Barzanji yang indah itu. Kertas kerja ini cuba menyingkap keperibadian Rasulullah s.a.w. yang digambarkan di dalam bait-bait Barzanji ini di samping meninjau kesan-kesannya kepada masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini.*

**Kata Kunci:** *kesenian berzanji, masyarakat*

## **Pengenalan**

Kesenian Barzanji adalah salah satu cabang kebudayaan Islam yang tumbuh bersama dengan kedatangan Islam ke alam Melayu. Amalan ini telah meresap dan sebatи dalam hati nurani masyarakat Melayu sejak beberapa abad yang lalu dan mendapat tempat yang sewajarnya dalam aktiviti kebudayaan sebagai satu acara tradisi untuk memperingati Hari Keputeraan Rasulullah s.a.w. di samping upacara berbentuk kegembiraan seperti dalam majlis perkahwinan dan menyambut kelahiran anak. Kehadiran kesenian ini telah meninggalkan kesan kepada kehidupan masyarakat Islam sebagai alternatif kepada kemunculan berbagai bentuk hiburan lain.

## **Sejarah Barzanji**

Sejarah awal Barzanji bermula di zaman kerajaan Islam Fatimiyah yang memerintah Mesir atau di zaman Abbasiah di bawah pemerintahan Harun

al-Rashid. Tetapi apa yang nyata, ia dapat dikesan selepas 200 tahun kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Dikatakan pada zaman keemasan Islam, salah seorang pemerintah Islam Mesir telah memerintahkan seorang sasterawan Arab supaya menulis semula sejarah hidup Rasulullah s.a.w. agar dapat dihayati oleh generasi akan datang. Lantaran itu, Sayed Ja'far bin Hasan yang merupakan seorang khatib di Masjid al-Haram dan pernah menjadi mufti Mekah telah dipilih untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Beliau telah menulis sejarah hidup Rasulullah s.a.w. itu dalam bentuk puisi dan prosa mengikut kecenderungan masyarakat Arab pada masa itu. Tulisan tersebut telah dibukukan dan disebarluaskan ke seluruh masyarakat Islam dan dikenali sebagai Kitab Barzanji. Kandungan Kitab Barzanji terbahagi kepada dua bahagian iaitu (S. Abd. Ghaffar 1981: 5-6):

### *Bahagian Puisi*

Mengandungi syair-syair dan nazam yang disusun begitu indah dengan menggunakan bahasa yang tinggi nilai kesusasteraannya bagi memuji sifat-sifat yang mulia dan terpuji yang terdapat pada diri Rasulullah s.a.w.

### *Bahagian Prosa*

Mengandungi kalimah-kalimah yang tersusun indah menggambarkan proses kelahiran Rasulullah s.a.w. oleh ibunya Aminah binti Abdul Wahab dengan menggunakan bahasa yang indah serta tinggi nilai kesusasteraannya.

Menurut kelaziman yang terdapat di kalangan masyarakat Islam, pembacaan Barzanji dilakukan secara dibaca beramai-ramai dalam sesuatu majlis prosa, mempunyai cara-cara tertentu dan pada kebiasaannya ia dibaca secara:

- i. Barzanji (ada juga diterjemah ke dalam Bahasa Melayu).
- ii. Nazam
- iii. Burdah
- iv. Nabani (dibaca dalam Bahasa Jawi dengan menggunakan terjemahan Arab dengan lagu-lagu Melayu).

Kesemua syair tersebut menggambarkan ketinggian akhlak Rasulullah s.a.w. dalam semua aspek samada dalam kehidupan Baginda sebagai suami, bapa, ketua negara, pendakwah dan lain-lain. Kesemua ini melambangkan keluhuran dan keunggulan akhlak Baginda selaku insan

kamil yang dipimpin oleh Allah s.w.t. Keperibadian Baginda yang unggul itu digambarkan dalam bahasa yang begitu indah dan tinggi nilai sasteranya.

## **Keperibadian Rasulullah S.A.W dalam Bait-bait Barzanji**

Keseluruhan kandungan kesenian Barzanji adalah menceritakan ketokohan dan keperibadian Rasulullah s.a.w. yang terkenal dengan akhlak yang tinggi. Ini dapat dilihat dalam Rawi satu hingga lapan belas dalam Kitab Barzanji yang dibaca oleh masyarakat Islam hari ini dalam bentuk bahasa yang tinggi nilai sasteranya dan pengajaran yang begitu bernilai untuk umat Islam.

Sebagaimana Firman Allah s.w.t.:

**وَانك لعلى خلق عظيم**

Surah al-Qalam (68): 3

Maksudnya:

*Dan Sesungguhnya Engkau (Rasulullah s.a.w.) mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia.*

Rawi pertama di dalam kitab Barzanji ini dimulai dengan puji-pujian kepada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, selawat dan salam kepada junjungan Nabi s.a.w. serta doa-doа daripada pengarang semoga Allah memberi hidayah dan kekuatan dalam usaha beliau mengarang mengenai sirah dan keperibadian Rasulullah s.a.w. dalam bentuk puisi yang indah ini.

Di dalam Rawi kedua hingga keempat pula diceritakan asal usul keturunan Nabi Muhammad s.a.w. iaitu Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib bin Hashim bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab bin Murrah bin Kaab. Daripada sebelah ibunya pula Muhammad bin Aminah binti Wahab bin Abdul Manaf bin Zuhrah bin Kilab. Baginda adalah dari keturunan Quraish, iaitu keturunan yang mulia dan suci, tiada sebarang kecacatan. Muhammad al-Ghazali dalam bukunya *Fiqh al-Sirah* melanjutkan keterangan mengenai keturunan Nabi s.a.w. katanya, “Muhammad Rasul Allah s.a.w. dilahirkan dari lingkungan keluarga yang bersih dan suci serta mempunyai salasilah terhormat. Yaitu keluarga yang menjadi pusat segala keutamaan orang-orang Arab dan

bersih dari noda apa pun juga” (al-Ghazali 1976:58). Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:

*“Sesungguhnya Allah telah memilih Kinanah daripada putera Ismail, memilih Quraisy daripada Kinanah, memilih Bani Hashim daripada Quraisy dan memilih diriku daripada Bani Hashim.”*  
(Maksud Hadith Riwayat Muslim)

Semasa dalam kandungan lagi bondanya Aminah telah bermimpi bahawa anak yang dikandungnya itu akan menjadi sebaik-baik manusia dan akan membawa rahmat ke seluruh alam. Bapa Rasulullah s.a.w. meninggal dunia di Madinah ketika Baginda dua bulan dalam kandungan ibunya.

Dalam Rawi kelima dan keenam pula, diceritakan keadaan Baginda sewaktu dilahirkan oleh ibunya ke dunia ini dalam keadaan tapak tangan bertelangkup ke bumi dan kepala baginda tertengadah ke langit. Ini adalah antara tanda-tanda kebesaran dan kemuliaan Rasulullah s.a.w. Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan dalam keadaan bersih, sudah dikhatarkan dan sudah dipotong pusat Baginda dengan keizinan Allah s.w.t. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa Baginda dikhatarkan oleh datuknya Abdul Muttalib ketika berusia tujuh malam. Berbagai peristiwa ganjil berlaku semasa Baginda dilahirkan yang menandakan kenabian dan sebagai manusia pilihan Allah yang diutuskan untuk memimpin manusia ke jalan kebenaran. Antaranya, terbit cahaya yang memancar ke mahligai Raja Qaisar di negeri Syam, bergoncang Istana Raja Parsi di negeri Madain dan api sembahyang raja dan rakyat Parsi padam dengan sendirinya.

Dalam Rawi ketujuh hingga keenam belas pula menceritakan tentang penyusuan Nabi s.a.w. Baginda disusu oleh bondanya Aminah beberapa hari sahaja, kemudian disusukan oleh Thuwaibah al-Aslamiyyah dan seterusnya disusukan oleh Halimah al-Sa<sup>c</sup>diyyah. Allah telah menganugerahkan rezeki yang berlipat ganda kepada Halimah semasa menyusukan Rasulullah s.a.w. Kenyataan ini dijelaskan lagi oleh Moenawar Chalil dalam buku *Sirah Nabi Muhammad s.a.w.* katanya, “Setelah Nabi disusukan dan diasuh oleh Halimah, maka tidak selang beberapa hari, keadaan rumah tangga dan keluarganya tampak kelihatan sangat bahagia, susunya bertambah banyak, kambing kepunyaannya bertambah gemuk dan segala sesuatu kepunyaannya bertambah baik keadaannya” (K.H. Moenawar Chalil 1999: 83). Rasulullah s.a.w. tetap mengenang jasa kedua-dua ibu susunya. Semasa Rasulullah di Madinah,

baginda kerap mengirimkan kepada mereka hadiah seperti pakaian, duit dan sebagainya. Dikatakan mereka ini semuanya mengikut ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Dikatakan Baginda s.a.w. boleh berdiri semasa berusia tiga bulan, berjalan dalam usia lima bulan dan fasih bercakap pada usia sembilan bulan. Bonda Baginda wafat ketika usia Baginda empat tahun. Ketika Baginda berusia lapan tahun, datuknya Abdul Muttalib pula meninggal dunia, kemudian Baginda dipelihara oleh bapa saudaranya Abu Muttalib. Sejak kecil lagi Baginda tidak pernah mengadu lapar dan dahaga, tetapi yang kerap dilakukan ialah ke Telaga Zamzam untuk meminum Air Zamzam. Seyyed Hossein Nasr menggambarkan akhlak Rasulullah s.a.w. semasa remaja katanya, “Insan yang mulia dan suci ini memperlihatkan sifat-sifat yang luar biasa sejak baginda masih kanak-kanak lagi. Pada masa remaja baginda s.a.w. bersifat sopan santun, berbudi bahasa, mencintai kedamaian dan bersunyian” (Seyyed Hossein Nasr 1993: 4). Baginda juga tak pernah meminta hak kepunyaan orang lain, tidak bersifat tamak, tidak suka melihat kelakuan sepupunya yang rakus dan berebut-rebut makanan di hadapan hidangan. Baginda hanya makan makanan yang diberi oleh bapa saudaranya dan jika makanan itu habis baginda akan bangkit dengan air muka yang berseri-seri. Sifat terpuji yang dimiliki oleh baginda inilah menyebabkan Abu Talib terlalu kasih kepada Rasulullah s.a.w. (Naufal 1969: 26).

Sewaktu menikahi Nabi Muhammad s.a.w., Saidatina Khadijah pernah berkata: “Sesungguhnya saya cinta padamu, pertama kerana kita berkeluarga, kedua kerana engkau dipandang tinggi oleh masyarakat dan bangsamu, ketiga kerana sifat amanahmu, keempat kerana baik budi pekertimu dan kelima kerana sifat kebenaranmu” (Naufal 1969: 33).

Ketika berusia tiga puluh lima tahun, Baginda berjaya menyelesaikan pertelingkahan antara kaum Arab yang berebut untuk meletakkan Hajarul Aswad dengan cara meletakkannya ke sehelai kain yang diangkat oleh semua ketua kaum. Baginda akhirnya digelar al-Amin kerana kejujuran dan kehebatannya. Baginda dilantik menjadi Rasul ketika berusia empat puluh tahun. Wahyu pertama yang diterima Baginda, pada hari Isnin, malam 17 Ramadhan. Antara sahabat yang pertama menerima Islam ialah Saidina Abu Bakar r.a., Saidina Ali r.a., Saiditina Khadijah r.a., Zaid dan Bilal. Kemudian, diikuti oleh Saidina <sup>c</sup>Uthman, Sa<sup>c</sup>ad, Sa<sup>c</sup>id, Talhah, Abdul Rahman bin <sup>c</sup>Auf dan Zubir.

Pada tahun kesembilan menjadi Rasul, tanggal 27 Rejab, Baginda diisra’ dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa di Palestin dan seterusnya

diangkat ke langit bertemu dengan para rasul-rasul sebelumnya. Dalam peristiwa inilah difardhukan ibadah solat lima kali sehari semalam. Daripada peristiwa Isra' dan Mikraj ini memberi keyakinan kepada Rasulullah bahawa risalahnya akan tersebar ke seluruh alam bukan sahaja di dunia Arab bahkan juga ke pelosok alam. Baginda amat tabah walaupun ditentang oleh kaumnya yang tidak mempercayai peristiwa Isra' dan Mikraj. Baginda mula dibaihakan oleh orang-orang Ansar dan mereka mula mengembangkan ajaran Islam di kota Madinah. Akhirnya umat Islam telah berhijrah ke Madinah setelah mendapat tantangan yang amat hebat daripada kaum Musyrikin Quraisy. Allah telah memerintahkan Rasulullah s.a.w. berhijrah, ditemani oleh Saidina Abu Bakar setelah kaumnya berpakat untuk membunuh Baginda. Baginda dapat keluar dari rumahnya walaupun telah dikepung oleh kaumnya dengan mukjizat Allah s.w.t. Baginda terpaksa bersembunyi di Gua Thur bersama sahabatnya Abu Bakar. Allah telah memerintahkan makhluk haiwan seperti labah-labah dan merpati untuk melindungi Baginda di dalam Gua Thur tersebut. Dalam perjalanan ke Madinah, Baginda terserempak dengan Suraqah yang telah mengekorinya dan merancang untuk membunuh Baginda. Melalui mukjizat Nabi s.a.w. yang mulia, akhirnya kaki kuda Suraqah tertanam ke dalam pasir. Walau bagaimanapun, Nabi s.a.w. telah memaafkan Suraqah dan Suraqah dapat melepaskan diri serta berjanji tidak akan mengancam Baginda lagi. Mukjizat lain ketika dalam perjalanan ke Madinah, Baginda dapat mengeluarkan susu daripada seekor kambing yang tidak bersusu kepunyaan seorang wanita yang bernama Ummu Ma'bad daripada Suku khuza<sup>c</sup> iyyah. Susu kambing itu bukan sahaja dapat diminum oleh rombongan Nabi s.a.w., malah diminum oleh keluarga Ummu Ma'bad sepuasnya.

Dalam Rawi ketujuh belas dan lapan belas, digambarkan keunggulan perwatakan Rasulullah s.a.w. Baginda digambarkan sebagai seorang yang paling sempurna bentuk rupanya, akhlak dan hidupnya dihiasi dengan sifat-sifat terpuji. Badannya sederhana tinggi, kulit putih kemerahan, alisnya lentik dan hidungnya mancung dengan indahnya. Baginda juga digambarkan seorang yang berjanggut tebal, dan di antara dua belikatnya ada cap Khatamul al-Nubuwah yang memancar gilang gemilang. Peluh Baginda bagaikan mutiara dan baunya lebih wangi daripada kasturi. Bila berjalan, Baginda tunduk seolah-olah orang sedang menuruni bukit. Apabila berjabat tangan dengan seseorang, akan tinggal bekas bau yang amat harum sepanjang hari. Wajah baginda berseri-seri bagaikan sinar rembulan purnama. Diriwayatkan, belum pernah melihat orang yang setampan Nabi Muhammad s.a.w. di alam ini (Akmal 2001: 83-90).

Abdullah bin Salam, seorang Yahudi, apabila beliau melihat Rasulullah s.a.w., lantas ia yakin akan benarnya risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan beliau terus memeluk Islam. Katanya, “Sebaik sahaja aku melihat Rasulullah s.a.w., aku sedar bahawa wajah ini bukan wajah seorang penipu” (Siddiqi 1985: 42-43).

Na’em Siddiqi dalam bukunya *Muhammad Pembina Umat* menggambarkan secara lebih jelas perwatakan Rasulullah s.a.w. Katanya, “Rupa parasnya kacak, mukanya bercahaya, tingkah lakunya menyenangkan, perutnya tidak memboyot, rambutnya kemas dan rapi, segak, tampan, matanya hitam dan besar, rambutnya panjang dan tebal, suaranya jelas, lehernya jinjang, matanya hitam bercahaya, kebiruan asli di sudut-sudut matanya, bulu matanya lembut dan tipis, rambutnya hitam dan ikal, diam khusyu’ dan ramah mesra, cantik dan menawan dari jauh dan amat manis serta segak dipandang dari dekat, manis ketika berkata-kata serta jelas kalimatnya, tidak lebih dan tidak kurang dari yang perlu, percakapannya tetap, ukuran badannya sederhana, tidak rendah dan tidak terlalu tinggi, seperti setangkai ranting yang segar disunting dari sebatang pohon yang cantik, indah dipandang dan segak bentuknya. Sahabat-sahabatnya sangat setia dan selalu mengelilinginya, mendengar kata-katanya dengan diam dan patuh segera akan apa yang diperintahnya, mereka taat, suka padanya, tidak banyak cakap dan tidak pula menyembunyikannya” (Siddiqi 1985: 46).

Rawi kelapan belas pula menceritakan Baginda bersifat pemalu, rendah diri sehingga sanggup menjahit kasut Baginda yang koyak, menampal baju, memerah susu kambing sendiri, malah Baginda suka membantu isteri-isterinya dalam menguruskan rumah tangga dalam suasana penuh kasih sayang. Baginda juga terkenal dengan sifat pemaaf, tidak pernah menyakitkan hati orang lain dan selalu berjalan bersama-sama orang-orang tua dan golongan hamba. Baginda tidak merasa gerun kepada raja-raja, marah Baginda adalah kerana Allah dan redha Baginda juga kerana Allah s.w.t. Baginda pernah mengikat batu ke perut Baginda kerana lapar, padahal khazanah bumi sentiasa terbuka buat mereka. Pernah gunung menawarkan diri untuk menjadi emas untuk Baginda, namun Baginda menolak tawaran itu. Rasulullah s.a.w. tidak pernah bercakap perkara sia-sia dan sentiasa mendahului salam kepada sesiapa saja yang Baginda jumpa. Solat Baginda panjang, sementara khutbah Jumaat agak pendek. Baginda juga bergaul mesra dengan golongan bangsawan dan memuliakan orang-orang yang mulia. Baginda juga pernah berjenaka, namun Baginda tidak pernah berdusta ketika bergurau. Abdul Razzak Naufal menulis mengenai akhlak Rasulullah s.a.w., katanya sifat

Nabi Muhammad yang terkemuka sekali sejak kecil ialah amanah. Baginda bukan sahaja amanah pada perkataan bahkan juga pada perbuatan, lantaran itu digelar sebagai al-Amin. Sifat lain ialah Siddiq bererti berkata benar dalam semua perkara lagi bersifat amanah. Baginda juga terkenal dengan sifat fatanah iaitu bijaksana dan tajam fikiran. Sejak kecil baginda terkenal sebagai kanak-kanak yang pintar dan cerdik. Idea dan pandangan baginda sering dipinta untuk menyelesaikan masalah kaumnya, kerana idea tersebut sesuai dengan pendapat orang ramai (Naufal 1969: 27-29).

Rasulullah s.a.w. juga digambarkan dalam Rawi kelapan belas ini sebagai seorang yang mengasihi fakir miskin, menziarahi pesakit, turun mengiringi jenazah dan tidak pernah memandang hina kepada golongan yang susah dan golongan bawahan. Sebaliknya Baginda seorang yang pemurah, sentiasa memaafkan orang lain serta tidak pernah menampakkan tanda-tanda kebencian kepada sesiapa sahaja walaupun kepada hamba sahaya. Bila berjalan bersama sahabat, Baginda berjalan di sebelah belakang mereka. Baginda pernah menunggang kuda, unta, keldai untuk ke tempat tertentu. Baginda juga adalah seorang yang sangat berani terutama dalam peperangan. Buktinya semasa Perang Uhud, dalam suasana genting tentera Musyrikin berusaha untuk membunuh Baginda dan pada saat umat Islam hampir tewas, Rasulullah s.a.w. tidak berganjak dari tempatnya. Keadaan ini digambarkan oleh Abu Hikmah dalam bukunya *Kisah Kehidupan Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w.* Katanya: “Nabi tidak meninggalkan tempatnya. Baginda tetap gagah bagaikan batu karang dan terus membela diri Islam. Walaupun Baginda dapat melihat jelas bahawa pasukan musuh sedang menghadapinya bagaikan gelombang, Baginda tidak berganjak dari tempatnya dan tidak mengucapkan sepatah katapun yang menunjukkan rasa takut dan khuatir. Pada saat darah di dahinya dibersihkan, Baginda hanya berkata, “Tidak mungkin manusia mencapai keselamatan apabila mereka menodai dahi Nabi mereka dengan darah, padahal ia mengajak mereka menyembah Allah?” Dan ini menunjukkan kasih sayang dan keramahan Nabi yang luar biasa”. Ali bin Abi Talib berkata, “Nabi paling dekat dengan musuh dalam pertempuran dan memberikan kepada kami perlindungan ketika keadaan gawat” (Abu Hikmah 1998: 25-26).

Abu al-Hasan al-Nadawi menyimpulkan terdapat enam anugerah penting kepada manusia dan alam ini hasil daripada kerasulan Muhammad s.a.w. iaitu:

- i. Baginda telah mengajar manusia aqidah tauhid yang telah menumbangkan segala bentuk pemujaan kepada yang lain daripada

Allah s.w.t. Aqidah yang haq menolak angan-angan kosong, akidah yang membangkitkan semangat untuk hidup dan mendorong manusia agar kreatif dan dinamis.

- ii. Anugerah kedua ialah membawa konsep persamaan taraf di kalangan manusia tanpa mengira darjat keturunan atau warna kulit. Umat Islam adalah sama di sisi Allah, yang paling mulia adalah yang paling bertaqwa.
- iii. Anugerah ketiga ialah pernyataan bahawa manusia adalah makhluk paling mulia dan paling tinggi kedudukannya di alam ini. Mereka ini adalah manusia yang beriman yang taat dan patuh kepada Allah dan Rasulnya serta berakhlik mulia.
- iv. Anugerah keempat ialah memerangi sikap pesimis dan membangkitkan sikap optimis kepada manusia. Manusia yang berdosa diberi peluang untuk bertaubat kepada Allah s.w.t.. Allah maha pengampun dan penerima taubat manusia. Manusia juga dilarang bersifat berputus asa dalam kehidupan, sebaliknya disuruh sentiasa berusaha, bertawakkal dan berdoa kepada Allah.
- v. Mempersatukan Agama dan Keduniaan. Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. menolak fahaman Sekular yang memisahkan aspek keduniaan dan keakhiran atau keagamaan. Islam mengajar umatnya melakukan apa saja aktiviti kehidupan mestilah berpandukan syariat Islam dan mengambil kira nasib mereka di akhirat. Dunia adalah ladang akhirat.
- vi. Anugerah keenam ialah menentukan matlamat kehidupan manusia di dunia ini. Islam menjelaskan matlamat hidup manusia adalah untuk mencari keredhaan Allah dan mereka akan menempuh alam yang kekal abadi selepas mati iaitu alam akhirat. Oleh itu manusia hendaklah melakukan kebaikan semasa hidup di dunia ini.

## **Kesan Barzanji kepada Kehidupan Umat Islam Hari ini**

Barzanji adalah salah satu cabang kesenian Islam yang telah lama dipersembahkan oleh masyarakat Melayu sejak beberapa abad yang lalu serentak dengan kedatangan Islam ke alam Melayu. Pada peringkat awal barzanji dilakukan dalam bentuk *Nazam Syair* dan *Burdah* dalam Bahasa Arab. Lama-kelamaan proses penerapan Bahasa Arab menerusi barzanji dapat terima oleh masyarakat Melayu sebagai satu upacara kebudayaan dalam kehidupan mereka (S. Abdul Ghaffar 1981: 4-5).

Amalan Barzanji dalam masyarakat Melayu telah dipersembahkan dalam pelbagai upacara. Antaranya, dalam upacara cukur kepala sebagai tanda kesyukuran ibu bapa kepada Allah s.w.t. yang telah mengurniakan cahaya mata kepada mereka. Begitu juga dalam upacara memasuki rumah baru, sambutan Maulud, majlis memohon keselamatan daripada Allah s.w.t. seperti majlis perkahwinan, menghantar pengantin, bersanding, majlis menolak bala', majlis khatam al-Qur'an, dan majlis musafir ketika hendak mengerjakan fardhu Haji.

Amalan Barzanji yang dipersembahkan dalam masyarakat Melayu ini telah meninggalkan kesan kepada pembentukan kebudayaan Melayu, antaranya:

Amalan Barzanji telah dapat menggantikan pemujaan berbentuk kehinduan yang berdasarkan jampi mantera yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam. Kedatangan Islam telah mempersempitkan satu bentuk kesenian baru yang mengandungi bait-bait pujian kepada Rasulullah s.a.w. yang terdapat dalam kesenian barzanji.

Amalan Barzanji juga dapat mengeratkan tali silaturrahim antara umat Islam yang dijalankan melalui majlis-majlis keagamaan dan kesyukuran yang diadakan serta memberi peluang kepada umat Islam saling berkenalan antara satu sama lain.

Barzanji juga berfungsi sebagai media untuk umat Islam melakukan ibadah dengan cara berselawat kepada Rasulullah s.a.w. Sebagaimana Firman Allah s.w.t.:

**لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ**

Surah al-Ahzab (33): 21

Maksudnya:

*Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan terbaik.*

Diharapkan dengan berselawat, umat Islam akan cuba menghayati sejarah Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan mereka dan juga menghindarkan diri daripada mengumpat dan berkata-kata yang keji.

Amalan Barzanji juga mampu menjadi media dakwah kepada masyarakat Islam seandainya mereka memahami makna bait-bait yang dibaca dan mereka cuba pula untuk menghayatinya dalam kehidupan

seharian mereka. Ini kerana, kesemua rangkai kata yang terdapat dalam Barzanji adalah menonjolkan ketokohan dan keunggulan peribadi Rasulullah s.a.w. Umat Islam sepatutnya mencontohi keperibadian Rasulullah s.a.w. dan melaksanakan syariat yang dibawa oleh Baginda ke dalam seluruh aspek kehidupan mereka sebagai bukti bahawa mereka kasihkan Rasulullah s.a.w.

Berselawat adalah satu amalan yang sangat dituntut kepada umat Islam. Adalah lebih baik bagi mereka berselawat kepada Nabi Muhammad daripada mendendangkan lagu-lagu yang berunsur pemujaan kepada manusia atau lagu-lagu yang bercanggah dengan akidah Islam.

Kesenian Barzanji juga mampu menyatupadukan masyarakat Islam melalui persesembahan yang diadakan. Ini akan melahirkan masyarakat yang saling tolong-menolong dan bekerjasama antara satu sama lain, kerana persesembahan ini disertai oleh berbagai lapisan masyarakat yang memberi ruang kepada mereka untuk berkenalan dan memupuk perasaan kasih sayang di kalangan mereka.

## **Ulasan dan Cadangan**

Pada pemerhatian penulis, aktiviti Barzanji ini hanya dipelopori oleh golongan tua sahaja sama ada golongan wanita atau laki-laki. Mereka masih belum dapat menarik minat golongan remaja untuk menyertai program ini. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan remaja lebih kepada hiburan yang terdapat di televisyen dan pusat-pusat hiburan lain.

Majlis Barzanji juga dijadikan sebagai acara ritual masyarakat sahaja tanpa diambil pengajaran di sebalik bacaan bait-bait Barzanji yang begitu banyak mutiara kata untuk dijadikan panduan hidup. Majlis ini hanya sekadar memenuhi undangan tuan rumah atau dalam majlis Maulud sahaja. Masyarakat masih kurang menghayati syariah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak berusaha untuk mencontohi akhlak Baginda dalam kehidupan mereka. Buktinya, masih wujud masyarakat yang memandang ringan terhadap ibadah solat dan kewajipan yang lain seperti zakat, menutup aurat dan sebagainya.

Barzanji yang dibaca dalam Bahasa Arab adalah agak sukar bagi pendengar bahkan pembaca sendiri untuk memahami bait-bait yang begitu tinggi bahasanya di dalam bahasa asing. Ini menghalang mereka daripada memahami isi kandungan Barzanji tersebut. Oleh itu, beberapa cadangan

diutarakan agar majlis yang baik ini berfungsi menjadi media dakwah kepada orang ramai dan menjadi aktiviti ibadah kepada masyarakat:

- i. Ketika majlis Barzanji diadakan, pembaca rawi hendaklah menterjemahkan ke Bahasa Melayu agar pendengar dapat memahami inti pati yang dilakukan itu dan dengan cara ini mereka akan mendapat pengajaran daripada majlis ini serta cuba mencontohi akhlak Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan mereka.
- ii. Majlis Barzanji ini sepatutnya dijadikan media dakwah untuk mengajak masyarakat menghayati sirah Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan mereka dengan cara diselitkan satu program lain ketika persembahan majlis Barzanji diadakan seperti ceramah yang menyentuh topik-topik mengenai Rasulullah s.a.w. dan syariat yang dibawa oleh baginda.
- iii. Pada pandangan penulis, untuk melahirkan masyarakat hadhari tidak cukup dengan mengadakan aktiviti barzanji sahaja, tetapi masyarakat hendaklah dibangunkan spiritual mereka dengan pengisian akidah dan ibadah serta penghayatan kepada syariat Allah s.w.t. Pembudayaan ilmu perlu diwujudkan dalam masyarakat dan segala program yang meruntuhkan moral hendaklah dihentikan.
- iv. Rasulullah s.a.w. hendaklah dijadikan contoh terbaik kepada masyarakat dengan cara mengadakan berbagai program yang boleh menimbulkan rasa cinta dan kasih kepada Rasulullah s.a.w. seperti program ceramah, forum dan sebagainya. Sabda Rasulullah s.a.w. Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulnya” (Muhd. Nor Ibrahim 1989: 14).

## Kesimpulan

Kesenian Barzanji yang diamalkan oleh masyarakat Melayu mampu berfungsi sebagai media dakwah seandainya umat Islam bersedia mengubah cara hidup mereka dengan menjadikan Islam sebagai sistem hidup atau *way of life*. Mereka mestilah berusaha melengkapkan diri dengan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah dan mempunyai akidah yang mantap, barulah kesenian ini dapat melahirkan umat yang cinta kepada Nabi s.a.w.. Mereka inilah yang akan menjunjung dan melaksanakan syariat Nabi dalam seluruh aspek kehidupan mereka. Penglibatan dalam apa bidang sekalipun tanpa didasarkan kepada iman, ilmu dan taqwa

tidak akan menghasilkan keperibadian muslim yang sebenarnya, malah mereka hanya akan menganggap semua amal Islam itu sebagai adat dan upacara ritual yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

## **Bibliografi**

- Abdullah bin Muhammad Basmih (1998). *Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Hikmah al-Husni (1998). *Kisah Kehidupan Nabi Muhammad Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Akmal Hj. Muhd. Zain (2001). *Nazam Barzanji Dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Al-Ghazali, Muhammad (1976). *Fiqh al-Sirah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turuth al-'Arabi.
- Al-Nadawi, Abu al-Hasan (1989). *Arti Kerasulan Muhammad Bagi Kehidupan Manusia*. Aceng Bahauddin (terj). Jakarta: Kalam Mulia.
- K.H. Moenawar Chalil (1999). *Sejarah Lengkap Sirah Nabi Muhammad (s.a.w.)*. Selangor: Reliable Bazaar.
- Muhsin Ibrahim (1989). *Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah S.A.W.* Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Naufal, Abdul Razak (1969). *Nabi Muhammad S.A.W.* Singapura: Pustaka Nasional.
- S. Abdul Ghaffar (1981). *Barzanji Dan Konsep Amalannya Di Malaysia Dan Nusantara*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan.
- Seyyed Hossein Nasr (1993). *Muhammad Insan Kamil*. Baharuddin Ahmad (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siddiqi, Na'eem (1985). *Muhammad Pembina Umat. Abdul Rahman Hussin.* (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Syekh Abd. Ghaffar bin Syekh Abd. Qudus (1997). *Berzanji dan konsep amalannya di Malaysia dan Nusantara.* Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

---

MINAH DIBOK, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA Pahang. minah@pahang.uitm.edu